

## **PERATURAN ASRAMA MRSM SUNGAI BESAR**

1. Pelajar tidak dibenarkan berpindah katil/bilil tanpa kebenaran.
2. Pelajar juga tidak dibenarkan memindah peralatan asrama serta kedudukannya dari tempat asal tanpa kebenaran.
3. Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada bila-bila masa pada waktu akademik termasuk waktu rehat.
4. Pelajar tidak dibenarkan berada di blok akademik dan kawasan sekitarnya pada hari sabtu bermula selepas jam 12 tengah hari sehingga jam 8.00 malam manakala pada hari ahad pula merupakan kawasan larangan sepenuhnya sehingga pada waktu malam iaitu bermula pada pukul 8.00 malam.
5. Tanda nama pelajar dan nombor kedudukan hendaklah diletakkan di hadapan almari ( kanan ),katil dan meja.
6. Para pelajar hendaklah bertanggung jawab dan bekerjasama menjaga kebersihan tempat tinggal, bilik tidur, surau, bilik air dan kawasan persekitaran asrama. Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam bekas sampah yang disediakan.
7. Pelajar hendaklah sentiasa memastikan cadar, selimut dan sarung bantal rasmi dipasang dengan kemas.
8. Semua pakaian,buku dan peralatan peribadi pelajar hendaklah disimpandengan kemas dan teratur dalam almari dan meja belajar masing-masing.
9. Menjadi tanggungjawab sendiri untuk menyusun kasut dan selipar di rak kasut.
- 10.Beg dan baldi hendaklah disimpan ditempat yang disediakan atau disusun dengan teratur di bilik basuh dan balik simpanan beg.
- 11.Sebarang bahan lucah, komik, majalah hiburan dan novel berunsur cinta diharamkan dibawa ke asrama/maktab.
- 12.Pakaian hendaklah disidai di ampaian tingkat bawah dan tuala dibenarkan disidai di ampai aras pada waktu pagi.
- 13.Pakaian yang jatuh dan tidak dikutip di ampaian akan dikumpulkan dan jika dituntut dalam masa tiga hari pakian tersebut akan disita.
- 14.Menjadi tanggungjawab pelajar memastikan semua suis elektrik seperti lampu dan kipas dimatikan sebelum meninggalkan asrama.
- 15.Para pelajar yang sakit hendaklah memastikan kebenaran untuk berehat di Sick Bay dan tidak dibenarkan berada di asrama sehingga dibenarkan

oleh Timbalan Pengetua PEMBANGUNAN PELAJAR atau Timbalan Pengetua HEA atau Ketua Guru Asrama atau Guru Asrama.

16. Pelajar dilarang bermain di dalam bilik dan sekitar kawasan asrama.
17. Pelajar yang menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan atau pada waktu yang tidak dibenarkan akan dikenakan tindakan atau dirampas.
18. Penggunaan "*smart phone*" atau seumpama dengannya dilarang sama sekali. Guru asrama mempunyai kuasa untuk melakukan rampasan dan dikenakan denda.
19. Pelajar tidak dibenarkan melakukan sebarang bentuk tindakan buli ke atas pelajar lain. Segala tingkah laku buli yang berlaku hendaklah dilaporkan segera kepada warden/TPPP
20. Pelajar wajib "*light off*" dan berada di katil masing-masing pada jam 11.30 malam. Sebarang pergerakan selepas 11.30 malam akan dikenakan tindakan.
21. Semua pelajar tertakluk pada peraturan **MRSM SUNGAI BESAR**